

AKU TIDAK DERHAKA!

‘Pranggg!’ Pinggan yang dipegang oleh mak Isha jatuh berkecai. Sambil membongkokkan badannya yang daif itu, tangannya yang berkedut menggigil-gigil cuba mengutip serpihan kaca yang berterabur. Darah bertompok di atas lantai dek injakan tapak kakinya yang terluka.

“Hei! Apa lagi yang kau pecahkan ni? Kau ni memang nak hancurkan semua barang dalam rumah aku kan? Menyusahkan betullah orang tua ni!” Hana mendengus membentak-bentak ibunya.

“Susah sangat ke nak basuh pinggan-mangkuk ni? Ingat sikit, kau tu tinggal sini, percuma. Aku tak minta satu sen pun. Nak mengemas sikit pun susah sangat ke?” Herdik Hana lagi tanpa belas kasihan. Matanya menjegil benci. Bibirnya diketap-ketap. Air mata mak Isha mula bergenang dan mengalir membasahi pipi tuanya.

“Maafkan mak Hana, mak tak sengaja. Nanti mak ganti balik pinggan kamu ni ya nak.” Terketar-ketar mak Isha menjawab tanpa menoleh, masih bingung. Mak Isha tak faham kenapa tangannya tak kuat lagi memegang pinggan. Apa sahaja barang yang dipegangnya sering terlepas. Kadang kala Mak Isha lupa apa yang sedang dilakukannya. Pernah sekali dia sesat dari kedai untuk pulang ke rumah Hana. Akhirnya dia dibawa pulang oleh seorang jiran yang simpati. Malam hari kejadian itu, Hana pulang makanan tidak tersedia seperti biasa. Habis Mak Isha disumpah seranah sepanjang malam.

“Orang tua nyanyuk!” Hana lantas mencapai kunci kereta menuju ke arah pintu.

“Hana, makan dulu Hana. Mak masak gulai kegemaran kau. Makan dulu Hana..” Terdengar suara Mak Isha merayu perlahan. Hana mendengus benci. Pintu rumah dihempasnya. Dari aras 3 rumah mewah itu, kuat terdengar bunyi deruman kereta mewah milik Hana seolah-olah masih lagi melepaskan geramnya terhadap mak Isha.

“Bombay Sapphire!” Seperti biasa, minuman keras menerobos tenggorok Hana tiap kali dia mengunjungi kelab malam. Dan tiap kali jugalah, Hana akan berhibur hingga ke awal pagi. Entah mengapa malam itu, kepala Hana tiba-tiba mulai terasa sakit dan pandangannya berpinar-pinar. Dengan langkah yang terhuyung hayang, Hana berjalan ke arah keretanya.

“Nak, bangun nak.” Sayup kedengaran suara seorang wanita tua membangunkan Hana. Dengan kepala yang masih berat, Hana membuka matanya. Terasa pipinya dijamah kehangatan mentari. Alangkah terkejutnya dia apabila menyadari dirinya sedang terbaring di tepi pantai, bersama seorang wanita tua disampingnya.

“Aku... aku di mana?” Hana bertanya dengan suara yang sangat lemah tidak bermaya. Dia memejapkan mata beberapa kali cuba memikirkan bagaimana dia boleh sampai di situ. Kepalanya terasa berat.

“Kau berada di Kampung Sungai Air Manis. Kenapa tidur di tengah-tengah pasir pantai? Di mana rumah kau nak?”

“Kampung?? Tidak, aku tinggal di ibu kota. Bila masa aku ke kampung? Kau.. Kau siapa?” Hana bertanya bertalu-talu antara percaya dengan tidak. Sepanjang hidupnya, tidak pernah dia menjejakkan kaki ke kampung.

“Nama makcik, Deruma. Kau boleh panggil makcik, Mak Deruma. Makcik tinggal di sini seorang diri. Ibu kota? Barangkali jauh dari sini ya...” Mak Deruma menyeringai memaparkan giginya yang merah dengan sireh.

Mendengar kata-kata Mak Deruma, Hana mula rasa gementar. Kepalanya yang masih sakit tidak dapat berfikir dengan tenang. Dia tidak dapat menghubungkan peristiwa-peristiwa yang berlaku sebelum dia sampai ke tempat ini. Apa yang dia ingat hanyalah mak Isha menangis dan dia membentak-bentak.

Orang tua nyanyuk! Orang tua nyanyuk! Hanya perkataan itu yang berulang-ulang dalam mindanya. Hana jadi ketakutan. Airmata gentar mulai gugur.

“Jangan menangis nak, ayuh ke rumah Makcik. Kau boleh tinggal di sana sehingga kau dapat cari jalan untuk pulang.” Kata Mak Deruma, menenangkan Hana sambil memapah Hana ke rumahnya.

Di rumah Mak Deruma, Hana dibawa terus ke sebuah bilik kecil. Hana apabila mendapati bilik itu tidak berkatil. Namun kerana kepalanya terlalu sakit, Hana terus berbaring dan tertidur. Melihat keadaan Hana yang sudah terlena dengan tenang, Mak Deruma tersenyum penuh makna.

“Kau akan belajar, nak. Kau akan belajar seperti mana mereka semua telah belajar.”

Lama Hana tertidur sehingga kampung Sungai Air Manis sudah ditelan kegelapan. Hanya kelihatan kerdipan lampu minyak tanah di luar rumah-rumah penduduk kampung itu. Hana terjaga apabila terdengar ketukan bertalu-talu dari luar rumah kecil milik Mak Deruma.

“Oh, aku tidak bermimpi rupanya!” Hana segera bangkit dari tikar mengkuang yang mengalas tempat tidurnya, lantas mengintai dari pintu biliknya. Kelihatan Mak Deruma dengan langkah yang tergesa-gesa berjalan ke arah pintu rumah dan membukanya.

“Deruma! Anak kau sudah pulang! Anak kau Tanggang sudah pulang!” Kelihatan seorang lelaki tua di muka pintu sambil menggalas setandan pisang.

“Ta..Tanggung, Tanggang?” Tergagap-gagap mak Deruma berkata dengan wajah tak percaya.

“Benar, Tanggang anak kau sudah pulang. Aku dengar orang kampung bercerita tadi. Kata mereka, dia telah menjadi seorang nakhoda sekarang. Kapal nya sudah berlabuh di laut pantai!” Lelaki tua itu ghairah bercerita dengan penuh bangga. Mulut Mak Deruma melopong ternganga seakan tidak percaya.

“Apa kau tunggu lagi Deruma? Ni, aku ada bawa pisang dari kebun tadi. Kau buatlah pisang salai kegemaran Tanggang. Nanti esok aku hantar kau pergi berjumpa Tanggang.” Lelaki tua itu terus pergi, menghilang dalam kegelapan malam dengan obor api.

“Esok terang tanah air pasang, aku tunggu di pantai!” Terdengar laungan lelaki tua itu.

“Baik... Baik...Pak Leman!” Mak Deruma menutup daun pintu. Pisang setandan diambalnya dibawa ke dapur. Sambil berlalu, bibir mak Deruma menyebut-nyebut nama Tanggang.

“Tanggung..Tanggung..Tanggung.. kau balik akhirnya. Mak rindukan kau Tanggang!”.

“Tanggung? Nakhoda? Pisang Salai? Apa maksud semua ini?” Dengan hati yang gelisah, Hana keluar dari biliknya menuju ke arah dapur.

“Mak Deruma..” Hana teragak-agak.

“Aah, kau sudah bangun. Marilah makan, ada lauk yang makcik sediakan untuk kau. Apa nama kau nak?” Mak Deruma berkata sambil membuka tudung saji.

“Saya...saya Hana.” Mata Hana terpahat pada gulai ikan yang tersaji. Tiba-tiba Hana teringat ibunya Mak Isha.

“Gulai ikan kurau?” Dada Hana terasa sebak namun dendangan perutnya yang bergendang kelaparan melupakan perasaan itu. Pantas Hana mencelupkan tangannya dalam bekas air yang disediakan. Pinggan nasi yang Mak Deruma suakan tadi diisi dengan gulai ikan. Hana makan dengan lahap.

“Hana nak tahu, akhirnya anak tunggal makcik pulang. Kau tahu, makcik rindu sangat pada anak makcik. Lama kau merantau Tanggang, akhirnya kau pulang juga” Tanpa dipinta, Mak Deruma mula bercerita mengenai anaknya. Senyum sentiasa bermain di bibirnya. Tangannya sibuk mengupas pisang. Hana terhenti makan. Dicapainya gelas air dan diteguknya laju.

“Pisang salai ni, makanan kegemaran Tanggang. Dahulu, seminggu sekali pasti Tanggang akan minta aku buat pisang salai untuknya. Aku sayang sangat pada Tanggang. Tanggangelah intan. Tanggangelah permata. Tanggangelah nyawa aku, Hana.” Mak Deruma terus bercerita sambil tangannya sibuk menyusun arang pula. Hana teringat ibunya Mak Isha sering membuatnya gulai ikan kurau. Lauk gulai disenduknya dan dicurah ke atas nasi. Nasi dikepal dan disuap ke mulut. Fikirannya masih membaca cerita Mak Deruma di samping teringatkan Mak Isha.

“Walaupun hidup kami sekeluarga sangat daif, aku sanggup berkorban apa sahaja untuk membesarkan Tanggang dan memberikan apa yang dia inginkan. Walaupun aku dihina, dipukul, dipulau, aku tetap terus kuat demi Tanggang. Mesti kuat demi Tanggang. Semuanya untuk anak aku. Kasihan Tanggang..” Mak Deruma menyalakan api lalu menghembus angin mulut ke arah kayu api.

Hana tiba-tiba teringat ibunya sanggup menjual rumah semata-mata untuk membiayai pelajarannya di London. Ibunya tinggal menumpang di rumah makciknya dan berniaga nasi lemak kecil-kecilan. Semuanya untuk mencukupkan keperluan Hana. Namun Hana sering berasa malu dengan keadaan ibunya. Hana tidak pernah izinkan kawan-kawannya ke rumah. Hana tidak mahu kawan-kawannya berkenalan dengan ibunya. Hana malu. Hana malu!

“Tanggung itu, anak yang mempunyai cita-cita yang tinggi. Katanya, suatu hari nanti, dia ingin menjadi seorang nakhoda kapal yang kaya-raya. Waktu itu nanti, dia akan buat orang kampung buka mata. Selama ini orang kampung hina aku. Hina Tanggang. Pukul Tanggang. Sisihkan Tanggang. Kau tahu sebab apa?” Mak Deruma kelihatan sebak.

Hana turut sebak. Nasi tidak lagi disuap ke mulut. Hana mencuci tangan dalam bekas air.

“Sebab apa makcik?” Hana memberanikan diri bertanya.

“Sebab apa? Sebab Tanggang tak ada bapak. Budak-budak kampung ejek Tanggang sebab tak punya bapak. Tanggang anak orang miskin yang buruk. Rumah kami buruk. Tanah kami sekangkang kera. Tanggang sedih. Tanggang sedih sangat. Tanggang tak ada bapa. Kasihan Tanggang...” Mak Deruma menyeka air mata dengan lengan bajunya.

‘Ya Tuhan! Kenapalah nasib aku serupa? Aku benci ibu aku sebab aku tak punya ayah. Aku tak tahu siapa ayah aku. Aku tak pernah jumpa ayah aku. Aku tak pernah kenal erti kasih sayang ayah! Kawan-kawan ejek aku sebab aku tak punya ayah! Aku malu! Aku benci ibuku!’ Hana menjerit dalam hati. Air mata bertakung di kelopak matanya. Hana seboleh-boleh cuba menahan sebak.

“Tanggung janji, kalau Tanggang pulang, Tanggang akan bawa aku keliling dunia . Tanggang akan salut aku dengan emas. Tanggang akan bina rumah besar untuk aku. Aaah, aku tak perlukan semua itu. Asalkan Tanggang pulang, terubat rindu aku. Asalkan Tanggang bahagia, sudah cukup buat diri aku.” Ayat terakhir itu dilafazkan oleh Mak Deruma dengan suara yang perlahan diikuti sebuah senyuman seolah-olah sedang berkata-kata pada diri sendiri. Kelihatan air mata Mak Deruma mengalir perlahan membasahi pipinya dek kerana kerinduannya terhadap anaknya.

“Tanggung... Mungkinkah dia Tanggang anak derhaka? Tapi.. Tidak..Tidak mungkin. Tidak masuk akal. Itu hanya cerita dongeng. Cerita rakyat! Mana mungkin!” Hana berbisik sendirian.

“Jangan ke kapal makcik...” Hana memberanikan diri.

“Kenapa pula jangan? Aku nak jumpa anak aku. Aku nak peluk dia seperti mana aku peluk waktu kecil dulu. Aku nak cium wajahnya puas-puas. Aku nak suapkan pisang salai ni...” Mak Deruma tiba-tiba jadi ghairah. Senyuman tak lekang pada wajahnya. Hana serba salah. Hatinya ingin menahan Mak Deruma. Hana pasti Mak Deruma akan kecewa. Dan kekecewaan itu bagai dapat sama dilihat pada wajah Mak Isha selama ini.

“Hana takut makcik kecewa..”

“Aku akan lebih kecewa kalau tak dapat berjumpa Tanggang sebelum aku mati.” Mak Deruma bagai berbisik. Wajahnya berubah. Hana berasa bersalah membiarkan wajah-wajah tua itu kecewa.

‘Aku harus pulang.. Mak.. Mungkinkah emak merindui aku seperti mana Mak Deruma merindui Tanggang?’ Hana bertekad untuk mencari jalan pulang esok. Malam itu Hana tidak boleh tidur menunggu subuh.

Tidur Hana terganggu oleh kokokan ayam. Hana terkejut dengan keadaan yang pelik itu dan perlu beberapa ketika untuk berfikir di mana dia berada. Setelah jelas, Hana segera keluar untuk mandi dan bersiap. Terpaksa Hana berjalan beberapa meter dari rumah Mak Deruma untuk ke perigi. Menggigil dia apabila air sejuk dari perigi itu singgah ke tubuhnya. Setelah bersiap, Hana segera kembali ke rumah Mak Deruma dan bersama-sama, mereka berjalan ke pantai meredah embun pagi.

Sesampai mereka di pantai, Pak Leman segera menolak sampannya ke air. Mak Deruma menyinsing kain meredah air dan memasukkan bungkusan pisang salai ke dalam sampan kemudian naik ke sampan. Hana menurut sahaja. Pak Leman mendayung sampan dengan penuh semangat sementara Mak Deruma memandang ke hadapan, dengan pandangan penuh harapan. Suatu penantian akan berakhir. Melihat Mak Deruma, Hana sadar betapa besarnya cinta Mak Deruma pada Tanggang. Tiba-tiba, Hana teringat kembali kepada ibunya. Teringat semasa kecilnya, setiap malam sebelum tidur ibunya akan mengucup pipinya dan berkata, “Mak sayang Hana”. Hana sedar,

seperti Mak Deruma, ibunya juga sangat mencintainya. Cuma Hana sahaja yang membenci ibunya. Sebab apa? Sebab Hana tak punya ayah. Hana tak tahu siapa ayahnya. Sebab Hana bukan dibesarkan dengan kemewahan. Sebab Hana malu...malu beribukan orang miskin. Air mata Hana mula bergenang.

Sampan yang didayung Pak Lemam semakin lama semakin menghampiri kapal. Helang laut terbang mengelilingi kapal. Kelihatan seorang lelaki yang berpakaian kemas sedang berdiri bersama seorang wanita muda di hadapan dek kapal. Semakin dekat semakin jelas.

“Tanggung! Tanggang anak mak!” Mendayu suara Mak Deruma memanggil-manggil nama anaknya dari sampan. Tak sabar Mak Deruma hendak memeluk anaknya. Dengan bungkusan pisang salai yang dijinjitnya, Mak Deruma segera memanjat tangga tali kapal tersangkut-sangkut.

“Makcik... jangan makcik!” Hana cuba menahan.

Arrkkkk Arrkkkk. Burung helang berbunyi di angkasa. Hana mulai terasa bimbang. Hana terasa sesuatu yang buruk bakal berlaku.

Lelaki dan wanita di atas dek masih belum menyedari kehadiran Mak Deruma. Mak Deruma semakin menghampiri tangga teratas. Tergocoh-gocoh dia naik ke atas dek kapal. Lelaki dan wanita itu terkejut.

“Anakku Tanggang! Mak rindu padamu nak. Ini, mak ada bawakan pisang salai kegemaran kamu”. Mak Deruma merapati anaknya, dengan kerinduan yang tidak berkata.

“Kanda, benarkah wanita tua yang kotor dan busuk ini ibunda kanda?” Tiba-tiba, wanita yang berdiri di sebelah Tanggang bersuara, Pandangan matanya melahap tubuh kotor Mak Deruma yang berkain buruk tidak rapi.

“Tanggung, kau tak kenal mak Tanggang? Ini mak, Tanggang, Mak!” Mak Deruma masih tersenyum riang ingin mencapai tangan Tanggang. Namun tangannya ditepis.

“Err Tidak! Tidak! Kanda tidak kenal dengan perempuan ini.” Tanggang beralih jauh sedikit sambil menarik wanita muda itu.

“Hey perempuan tua kutuk! Beraninya kau mengaku dirimu sebagai ibuku. Aku tidak mempunyai ibu yang jijik seperti kau. Ibu bapaku sudah lama mati. Pergi kau dari sini!” Hamburan kata-kata Tanggang bagai hirisan pisau yang melukakan. Mak Deruma terkejut mengurut dada tidak percaya.

“Tanggung anak mak, ini mak kau Tanggang. Mak! Lupakah kau pada mak?” Mak Deruma masih belum mahu beralah. Belum mahu berundur.

“Makcik! Turun makcik! Kembali ke sampan makcik!” Hana memekik dari sampan setelah melihat apa yang terjadi. Hatinya makin cemas.

Arrkkkk Arkkkkk...

“Tanggung anak mak, ingat tak kau waktu kau dipukul oleh budak kampung? Dahi kau luka. Mak yang ubatkan. Kau ingat tak Tanggang, waktu kau mahukan anak Penghulu? Mak yang pergi meminang nak. Mak yang dihina, dihalau, diketawakan. Ada hati orang miskin nak meminang anak orang kaya. Kau lupakah Tanggang?” Mak Deruma makin merapati Tanggang sambil menghulur bungkusan pisang salai. Tanggang menolak Mak Deruma jatuh. Dia dan isterinya berundur setapak.

“Pergi! Kau bukan ibuku!” Tanggang berasa gementar dan cemas.

“Makcik! turun makcik!” Hana semakin cemas. Pak Leman turut memanggil-manggil Mak Deruma.

Arrkkk. Arrrkkkk. Helang laut makin banyak terbang di atas kapal.

“Tanggung, kau lupakah? Mak yang mengandungkan kau sembilan bulan sembilan hari. Susu ini yang menghidupkan kau. Mak beri kau makan. Beri kau segala apa yang mak boleh berikan. Mak tak kisah dipukul, dihina, dihalau. Asalkan Tanggang gembira.” Mak Deruma mengengsot perlahan merapati Tanggang.

“Kanda! Dia datang kanda! Halau dia kanda!”

“Makcik! turun makcik! kita pulang!”

“Deruma! Turun Deruma!”

Arrrkkkk Arrrkkkkk

“Ingat tak pisang salai? Mak selalu suapkan Tanggang. Marilah mak suapkan kau Tanggang. Walaupun kali terakhir. Marilah Tanggang anak mak...” Mak Deruma menangis teresak-esak memeluk kaki Tanggang.

“Orang tua gila! aku bukan anak kau! Berambus kau dari sini!” Tanggang terus menerajang tubuh tua Mak Deruma. Mak Deruma tercampak terlentang. Pisang salai bertaburan di atas dek.

“Makcik!!!” Hana cuba naik ke atas kapal. Pak Leman gelisah.

“Buang dia ke laut kanda! Jijik dinda melihatnya!”

Arrrkkk...Arrrkkkk...

“Berambus kau orang tua gila! Aku bukan anak kau! Kau bukan mak aku!!!”

“Makcik! Makcik!” Hana menangis berpaut hampir pada hujung tali tangga kapal.

Dengan tidak bermaya, tergeletak di atas lantai dek, Mak Deruma mula mengangkat tangan. Mak Deruma memandang ke langit. Air mata memenuhi kelopak matanya.

“Oh Tuhan! Tunjukkanlah pada Si Tanggang bahawa akulah ibu kandungnya! Akulah ibu yang memberi susu padanya. Akulah ibu yang melahirkannya. Kau tunjukkanlah kuasamu Tuhan! Kau tunjukkanlah!” Mak Deruma menangis sebak. Jiwanya retak seribu.

“Makcik! Jangan makcik!” Hana meraung.

Petir!

Guruh!

Arrkkk! Arrkkk!

Awan hitam berkepul di langit. Suasana jadi gelap dan menakutkan.

Hujan!

Ribut!

“Makcik! Jangan makcik!” Hana makin kuat menangis. Suaranya tenggelam dalam kacau.

Kapal beralun terumbang ambing.

Petir!

Guruh!

Hitam!

Angin semakin kencang.

Petir!

“Mak, ampunkan Tanggang mak! Ampunkan Tanggang!”

“Kanda! Tolong kanda!”

“Mak ampunkan Tanggang! Tanggang anak mak!”

“Makcik!!!”

“Kanda!!!”

PETIR!!

“MAKKK!!!!”

Pegangan Hana pada tali kapal terlepas.

“Makcik!!!!”

Dunia bagai berputar. Hana melihat dirinya di awang-awangan jatuh ke lubuk laut paling dalam. Hana ternampak bayang Mak Deruma. Bayang Pak Leman. Bayang Tanggang. Bayang Mak Isha. Berbalam-balam.

“Mak!!!! Ampun mak!!!! Makkkkk!!!!!!”

Sepi.

.....

“Dah bangun nampaknya.”

Sayup-sayup Hana dengar suara orang bercakap. Hana cuba membuka mata. Pedih. Kabur. Segalanya putih.

“Di mana saya?”

“Hospital. Awak kemalangan. Koma tujuh hari. Baguslah awak dah sedar. Kasihan mak awak tunggu tak pernah tinggalkan katil awak.”

Hana tersentak. Matanya ditenyeh berkali-kali.

“Mak! Mana mak? Mak saya mana??” Bertubi-tubi pertanyaan keluar dari mulutnya. Tiba-tiba mata Hana menangkap kelibat sesusuk tubuh tua di atas kerusi di hujung bilik.

“Mak!!!!”